

BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2027

بلنجاون نکري ڤهڠ 2027

PAHANG 1st : KERAJAAN PRIHATIN, RAKYAT DIUTAMAKAN

TEKS UCAPAN PEMBENTANGAN
YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
MENTERI BESAR PAHANG

BELANJAWAN NEGERI PAHANG TAHUN 2027

20 NOVEMBER 2026 (JUMAAT) | 10.30 PAGI

DEWAN NEGERI PAHANG, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Maju Terus Pahang dan Salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT.

2. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat hadir ke Dewan yang mulia ini, untuk sama-sama mendengar Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2027 yang akan saya bentangkan nanti.

3. Selanjutnya, patik merafak sembah dan menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang atas segala nasihat,

pandangan, teguran dan sokongan terhadap patik serta pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Bumi Pahang indah terbentang,
Dari gunung hingga ke lautan,
Amanah dijunjung negeri dijulang,
Kesejahteraan rakyat jadi keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

PAHANG : SEBUAH PERJALANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4. Membangunkan sebuah negeri memerlukan kesabaran, ketegasan, ketelitian serta keputusan yang kadangkala tidak popular.

5. Sejak saya diberikan amanah menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang pada 15 Mei 2018, saya sedar bahawa tanggungjawab ini bukan sekadar meneruskan pentadbiran, tetapi memastikan negeri ini mempunyai keupayaan untuk berkembang dan menghadapi cabaran masa hadapan.

6. Antara keutamaan yang diberikan perhatian ialah memperkukuh kedudukan kewangan negeri melalui pengurusan yang lebih berdisiplin, meningkatkan kecekapan kutipan hasil serta memastikan setiap sumber dan aset negeri diurus serta dimanfaatkan sebaik-baiknya.

7. Alhamdulillah, atas segala usaha ini, hutang negeri berjaya dikurangkan daripada **3.3 bilion ringgit** kepada **825 juta ringgit**

tidak termasuk pinjaman bekalan air yang akan dinovasikan. Kutipan hasil pula berjaya melepasi **1 bilion ringgit** selama lima tahun berturut-turut, dari tahun 2022 hingga 2026.

8. Untuk makluman, sehingga 19 November 2026, jumlah kutipan hasil negeri telah mencapai **1.203 bilion ringgit**, iaitu 94.05 peratus daripada sasaran yang ditetapkan tahun ini iaitu **1.279 bilion ringgit**.

9. Malah, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, ekonomi Pahang mencatatkan purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.3 peratus, mengatasi purata nasional 5.2 peratus.

10. Nilai KDNK negeri turut meningkat hampir 28 peratus, daripada **55.44 bilion ringgit** pada tahun 2021 kepada **71 bilion ringgit** pada tahun 2025.

11. Bagi saya, pencapaian ini bukan sekadar angka untuk dibanggakan. Ia menunjukkan bahawa usaha memperkukuh pengurusan negeri dan mengembangkan potensi ekonomi mula memperlihatkan hasil.

12. Atas dasar itu, Kerajaan Negeri terus memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan, agama Islam, kesihatan, kebajikan, keterjaminan makanan dan modal insan melalui pelbagai inisiatif di bawah kerangka Aspirasi Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

HALA TUJU BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2027

13. Perubahan ekonomi, peningkatan kos sara hidup, perkembangan teknologi serta keperluan pembangunan menuntut Kerajaan Negeri membuat perancangan dengan lebih teliti.

14. Justeru, Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2027 disusun dengan berpandukan tiga pertimbangan utama, iaitu kemampuan kewangan, keperluan pembangunan dan kepentingan rakyat.

15. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri menyasarkan kutipan hasil sebanyak **1.507 bilion ringgit**, manakala jumlah perbelanjaan mengurus dianggarkan sebanyak **1.502 bilion ringgit**, dengan **lebihan atau surplus sebanyak 5 juta ringgit**.

16. Malah, sebanyak **454.4 juta ringgit** pula diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan untuk membiayai pelbagai projek dan program yang telah dirancang.

17. Namun, dalam menyusun keutamaan belanjawan, agenda kebajikan rakyat akan terus diberi keutamaan.

18. Sejak tahun 2022, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Bantuan Prihatin Pahang yang kemudiannya diteruskan melalui Inisiatif Makmur Pahang dengan melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak **245.61 juta ringgit** sepanjang tempoh lima tahun.

19. Bagi tahun 2027, usaha ini akan diperluaskan melalui penjenamaan baharu, iaitu Inisiatif Bantuan Negeri Pahang (iBNP) yang menggabungkan seluruh bentuk bantuan termasuk Inisiatif Makmur Pahang dan Apresiasi Pahang 1st, supaya manfaatnya dinikmati oleh seluruh rakyat, khususnya golongan yang memerlukan.

20. Atas komitmen tersebut, Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2027 mengangkat tema **'PAHANG 1st : KERAJAAN PRIHATIN, RAKYAT DIUTAMAKAN'**.

21. Bagi merealisasikannya, **ENAM TERAS UTAMA** telah digariskan, iaitu:

PERTAMA : MEMPERKASA PENDIDIKAN, TVET DAN MODAL INSAN.

KEDUA : MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI, PELABURAN DAN KEUSAHAWANAN.

KETIGA : MEMANTAPKAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.

KEEMPAT : MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT.

KELIMA : MEMELIHARA ALAM SEKITAR DAN MENGURUS SUMBER NEGERI SECARA LESTARI.

KEENAM : MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN RAKYAT.

22. Inilah pendekatan yang Kerajaan Negeri akan bawa dalam Belanjawan 2027. Setiap perancangan mesti mempunyai tujuan dan setiap peruntukan mesti membawa hasil.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS PERTAMA : MEMPERKASA PENDIDIKAN, TVET DAN MODAL INSAN

23. Menerusi Teras Pertama, Kerajaan Negeri percaya, masa depan Pahang tidak hanya bergantung kepada kekuatan ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata, tetapi turut ditentukan oleh keupayaan untuk melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

24. Justeru, komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap anak Pahang mendapat akses kepada pendidikan berkualiti secara saksama telah menyumbang kepada pencapaian yang membanggakan, apabila Pahang muncul sebagai negeri terbaik di Malaysia dalam keputusan SPM 2025, dengan tidak mengambil kira Putrajaya yang merupakan Wilayah Persekutuan dan bukannya sebuah negeri.

25. Lebih membanggakan, dua institusi pendidikan di bawah Kerajaan Negeri telah mendominasi tiga sekolah terbaik peringkat kebangsaan iaitu Maahad Tahfiz Turath Negeri Pahang di tempat pertama, manakala Maahad Tahfiz Negeri Pahang di tangga ketiga.

26. Kejayaan ini menjadi dorongan Kerajaan Negeri untuk terus memperkukuh ekosistem pendidikan secara menyeluruh, daripada

pendidikan awal hingga ke peringkat pengajian tinggi, termasuk pembangunan kemahiran dan kepimpinan generasi muda. Untuk itu, sebanyak **108.74 juta ringgit** diperuntukkan di bawah Teras Pertama ini.

27. Bagi tujuan tersebut, beberapa bantuan utama akan diteruskan dan dipertingkatkan, antaranya:

i. **34 juta ringgit** diperuntukkan untuk Program Tunas Makmur bagi penyediaan kit persekolahan dan baucar pakaian sekolah bernilai **100 ringgit** kepada murid Tahun 1 serta murid Tahun 2 hingga Tingkatan 5 daripada keluarga miskin tegar. Peruntukan ini meningkat **17 juta ringgit** berbanding tahun 2026;

ii. Bantuan mahasiswa anak Pahang dinaikkan daripada **400 ringgit** kepada **500 ringgit** secara *one-off*, dengan peruntukan **10 juta ringgit** yang akan memberi manfaat kepada 20,000 mahasiswa IPTA serta IPTS;

iii. **1 ribu ringgit** secara *one-off* diberikan kepada anak Pahang yang berjaya melanjutkan pengajian ke luar negara dengan peruntukan sebanyak **800 ribu ringgit**;

iv. **500 ringgit** diberikan sebagai subsidi tiket penerbangan kepada mahasiswa anak Pahang dalam keluarga B40 yang menuntut di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan **150 ribu ringgit**;

v. **6 juta ringgit** diperuntukkan bagi penyediaan buku rujukan dan latihan kepada kira-kira 40,000 pelajar Tingkatan 4 serta calon SPM, STPM dan STAM. Peruntukan ini meningkat sebanyak **2.36 juta ringgit** berbanding tahun ini;

vi. **8.37 juta ringgit** diperuntukkan bagi Program Sajian Kasih Makmur atau rancangan makanan tambahan kepada pelajar sekolah menengah dan Tingkatan 6 daripada keluarga miskin tegar, peruntukan ini meningkat **4.3 juta ringgit** berbanding tahun 2026;

vii. **2 juta ringgit** diperuntukkan bagi Program Juadah Makmur Pelajar untuk makanan tengah hari kepada calon SPM, STPM dan STAM, dengan peningkatan sebanyak **800 ribu ringgit** berbanding tahun 2026; dan

viii. Insentif kecemerlangan pelajar SPM, STPM dan STAM yang menyumbang kepada Gred Purata Negeri (GPN) dinaikkan daripada 1.2 juta ringgit kepada **3 juta ringgit** untuk 3,000 pelajar cemerlang.

28. Dalam pada itu, **1.8 juta ringgit** diperuntukkan bagi subsidi Tadika Tahfiz Negeri Pahang, manakala **900 ribu ringgit** disediakan untuk pemasangan papan pintar dan pendigitalan di 18 buah Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang dan sebuah Sekolah Rendah Agama Islam Negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

29. Pendidikan bukan sekadar mengejar kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi juga membentuk generasi yang mempunyai jati diri, integriti, disiplin dan kemampuan memimpin.

30. Sehubungan itu, **3 juta ringgit** diperuntukkan bagi memperkukuh Akademi Pahang 1st, manakala **2 juta ringgit** lagi disediakan untuk

sumbangan komputer riba kepada anak Pahang yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

31. Kerajaan Negeri juga turut meluaskan ruang kepada pembangunan bakat, inovasi dan kecemerlangan pendidikan menerusi peruntukan:

i. **2 juta ringgit** bagi Program Pahang Lead 2027;
ii. **1 juta ringgit** bagi Geran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Pahang;
iii. **370 ribu ringgit** bagi Anugerah Kecemerlangan Sekolah Pahang 1st; dan
iv. **100 ribu ringgit** bagi Pertandingan Inovasi Kecerdasan Buatan (AI) Antarabangsa.

32. Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan warga pendidik, **3 juta ringgit** turut diperuntukkan bagi Program Apresiasi Guru Pahang 1st.

33. Dalam memastikan peluang pendidikan tinggi terus terbuka, **2 juta ringgit** disediakan menerusi Biasiswa Inisiatif Bantuan Negeri Pahang, iaitu masing-masing **1 juta ringgit** kepada *UCYP University* bagi Pusat Bahasa Tamil dan Mandarin serta **1 juta ringgit** lagi kepada Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQSAAS).

34. Kerajaan Negeri turut menyediakan **16.3 juta ringgit** bagi pembangunan kampus dan geran mengurus UNIQSAAS.

35. Dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **1 juta**

ringgit menerusi Biasiswa Inisiatif Bantuan Negeri Pahang untuk program *TVET Talent Development* dan **2.2 juta ringgit** lagi bagi pembiayaan pembangunan Pahang Skills.

36. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan untuk memperkasakan pembangunan mahasiswa menerusi:

i. **1 juta ringgit** bagi *Townhall* Mahasiswa di IPT Pahang 1st;
ii. **2 juta ringgit** bagi Program Jejak Aspirasi Pahang 1st untuk menyantuni anak Pahang di luar negara, khususnya di Mesir, Jordan dan China;
iii. **500 ribu ringgit** bagi Kongres Kepimpinan Bakti Negeri Pra Universiti Pahang 1st 2027; dan
iv. **500 ribu ringgit** bagi Simposium UiTM Se-Malaysia.

37. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memahami beban yang ditanggung oleh graduan dalam melunaskan pinjaman pendidikan. Justeru, sebanyak **5 juta ringgit** diperuntukkan bagi Subsidi Pengurangan Pembayaran Pinjaman PTPTN Pahang 1st, khusus kepada peminjam anak Pahang di peringkat Ijazah Pertama, yang dijangka memberi manfaat kepada 2,346 penerima.

38. Secara keseluruhannya, Teras Pertama ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri membina masa depan anak Pahang melalui pendidikan yang berkualiti, penguasaan teknologi, kemahiran TVET dan pembentukan kepimpinan.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS KEDUA : MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI, PELABURAN DAN KEUSAHAWANAN

39. Menerusi Teras Kedua, Pahang kini sedang melangkah ke fasa pembangunan ekonomi yang lebih dinamik dengan pembinaan jaringan perhubungan dan infrastruktur strategik.

40. Kesalinghubungan strategik negeri ini terus diperkasa menerusi pembangunan rangkaian pengangkutan darat, rel, laut dan udara yang bakal merancakkan sektor logistik serta perdagangan antarabangsa.

41. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Kuantan ke Lembah Klang dalam tempoh sekitar 1 jam 30 minit bakal mempercepat pergerakan penumpang dan kargo, sekali gus mengintegrasikan jaringan pengangkutan dengan Pelabuhan Kuantan yang sedang diperbesar dan dimodenkan sebagai Pelabuhan Laut Dalam berkapasiti tinggi.

42. Pemodenan Pelabuhan Kuantan turut diperkukuh dengan perkhidmatan kapal *Roll-on* / *Roll-off* (RORO) yang menghubungkan Kuantan ke Kuching, Sarawak, dengan tempoh pelayaran kurang dari 2 hari berbanding 4 hingga 6 hari melalui laluan konvensional dari Pelabuhan Klang. Ini bukan sahaja mempercepat penghantaran kenderaan, malah meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos logistik.

43. Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang menghubungkan Bentong, Raub, Lipis hingga ke Kelantan pula bakal meyediakan perjalanan lebih selamat dan lancar, dengan penjimatan masa sehingga 2 jam.

44. Manakala pembangunan Bandar Aeroangkasa dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan baharu, bakal melengkapkan ekosistem pengangkutan negeri, membuka laluan penerbangan terus antarabangsa serta memacu industri aeroangkasa dan kargo udara berteknologi tinggi.

45. Kesemua pembangunan ini akan membuka peluang pelaburan baharu, merancakkan aktiviti perniagaan dan meletakkan Pahang sebagai antara hab ekonomi dan logistik penting di Pantai Timur dan negara.

46. Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada usaha memacu pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan melalui peningkatan pelaburan, pemerkasaan keusahawanan serta pengukuhan sektor pertanian, penternakan, perikanan dan pelancongan.

47. Bagi menjayakan agenda ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak **167.4 juta ringgit** pada tahun hadapan.

48. Kita mahu pertumbuhan ekonomi ini diterjemahkan secara langsung kepada kesejahteraan rakyat melalui peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan limpahan ekonomi yang lebih menyeluruh.

49. Berpandukan Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang 2030 (PET30), sebanyak **520 ribu ringgit** diperuntukkan bagi penyelarasan inisiatif pelan tersebut.

50. Selain itu, sebanyak **500 ribu ringgit** disediakan bagi penganjuran Teknologi Revolusi Expo (TREX) serta pengukuhan peranan agensi pelaburan negeri dalam menarik pelaburan bernilai tambah tinggi dan membawa masuk teknologi untuk dimanfaatkan oleh anak tempatan.

51. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi perlu turut dipacu oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Justeru, sebanyak **500 ribu ringgit** diperuntukkan bagi penganjuran Expo Usahawan yang melibatkan penyertaan 10 negara ASEAN. Platform ini akan membuka ruang kepada usahawan tempatan memperluas jaringan perniagaan dan meneroka pasaran baharu di peringkat serantau.

52. Bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan, beberapa inisiatif turut disediakan, iaitu **2 juta ringgit** bagi pembangunan Pelan Induk *Start-Up* Pahang 2030, **1 juta ringgit** bagi Program Promosi Usahawan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), dan **5 juta ringgit** bagi Skim Pembiayaan Dana Pensijilan Halal Negeri Pahang (PUSHPA).

53. Selain itu, **5 juta ringgit** diperuntukkan bagi Program Pemantapan Usahawan Muda Pahang 1st, **5 juta ringgit** bagi Geran Usahawan Inisiatif Bantuan Negeri Pahang yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), serta **3 juta ringgit** bagi Program

Usahawan Wanita Pahang 1st yang dikhususkan kepada wanita berumur 40 tahun ke atas.

54. Kerajaan Negeri turut menyediakan **3.5 juta ringgit** bagi pemberian lesen perniagaan secara percuma kepada penjaja yang layak melalui Sistem e-Rakyat. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kos permulaan perniagaan serta menggalakkan aktiviti perniagaan yang sah dan teratur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MEMPERKUKUH PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

55. Sektor pertanian, penternakan dan perikanan merupakan antara tunjang ekonomi Pahang, khususnya dalam menjana pendapatan rakyat dan menjamin keterjaminan bekalan makanan negeri dengan peruntukan sebanyak **100.95 juta ringgit**.

56. Sehubungan itu, **3 juta ringgit** diperuntukkan bagi menjayakan Program MAHA Pahang 2027 dan **200 ribu ringgit** bagi penganjuran Karnival Nelayan Darat 2027 melalui Inisiatif Bantuan Negeri Pahang.

57. Kerajaan Negeri turut menyediakan **3.9 juta ringgit** bagi membantu golongan tani dan nelayan, dengan pecahan berikut:

i. **1 juta ringgit** bagi Bantuan Makanan Ikan Nelayan Pahang 1st;
ii. **1 juta ringgit** bagi Bantuan Baja Petani Pahang 1st;
iii. **1 juta ringgit** bagi Program Petani Muda Pahang 1st;
iv. **400 ribu ringgit** bagi sumbangan input benih ikan kepada pengusaha akuakultur; dan

v. **500 ribu ringgit** bagi pembangunan Pusat Benih *Golden Melon* Pahang di Benta, Lipis.

58. Bagi menyokong pembangunan dan pemodenan sektor ini, sebanyak **15.6 juta ringgit** disediakan untuk pelaksanaan pelbagai program dan projek pembangunan di bawah Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.

59. Pada masa yang sama, kelancaran operasi serta penyampaian perkhidmatan agensi-agensi ini turut diperkukuh melalui peruntukan pengurusan sebanyak **60.78 juta ringgit** bagi Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang.

60. Bagi memperkukuh sektor perikanan dan meningkatkan pendapatan nelayan kecil, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang menyediakan **10 juta ringgit** bagi membangunkan kemudahan penyimpanan sejuk (*cold storage*). Kemudahan ini penting untuk mengekalkan kualiti hasil tangkapan dan mengurangkan risiko kerosakan.

61. Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan **5 juta ringgit** khusus untuk mengembangkan industri baka kerbau tenusu di Pahang. Langkah strategik ini bertujuan meningkatkan populasi baka tenusu berproduktiviti tinggi, mengurangkan kebergantungan kepada produk tenusu import, serta membuka peluang ekonomi baharu kepada usahawan tani tempatan.

62. Selain itu, bantuan disediakan bagi meringankan beban golongan sasar, iaitu sebanyak **1.5 juta ringgit** kepada golongan petani dan

975 ribu ringgit kepada nelayan laut serta nelayan darat, dengan setiap penerima akan menerima sumbangan *one-off* **300 ringgit** seorang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MERANCAKKAN SEKTOR PELANCONGAN

63. Sektor pelancongan merupakan antara pemacu penting ekonomi Pahang. Justeru, Kerajaan Negeri terus memanfaatkan keindahan alam semula jadi dan warisan budaya negeri bagi menarik lebih ramai pelancong dengan peruntukan sebanyak **40.4 juta ringgit**.

64. Bagi memudahkan akses ke Pulau Tioman, **550 ribu ringgit** diperuntukkan untuk meneruskan subsidi tiket feri kepada penduduk Pulau Tioman. Melalui inisiatif ini, kadar tambang pergi dan balik ditetapkan pada kadar rata **40 ringgit** seorang.

65. Dari sudut pengurusan dan pembangunan agensi, Kerajaan Negeri menyediakan geran mengurus berjumlah **21.6 juta ringgit** kepada Tourism Pahang, Lembaga Pembangunan Tioman dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

66. Selain itu, **13.75 juta ringgit** disediakan bagi pelaksanaan program dan projek pembangunan, dengan pecahan sebanyak **9.75 juta ringgit** kepada Perbadanan Muzium Negeri Pahang, **1 juta ringgit** kepada Tourism Pahang dan **3 juta ringgit** kepada Lembaga Pembangunan Tioman.

67. Usaha pemasaran dan promosi pelancongan turut dipergiat, khususnya melalui platform digital dan program berimpak tinggi. Bagi tujuan ini, peruntukan disediakan sebanyak **4.5 juta ringgit** seperti berikut:

i. **500 ribu ringgit** bagi *Eco Pahang Global Tourism Exchange*;
ii. **500 ribu ringgit** bagi *Chini Fest*;
iii. **500 ribu ringgit** bagi *Pahang Rail Tourism*;
iv. **1 juta ringgit** bagi Geran Padanan Digital Pelancongan Pahang 1st;
v. **1 juta ringgit** bagi Program Himpunan Golongan Pengusaha *Camp Site* dan Inap Desa Pahang 1st; dan
vi. **1 juta ringgit** bagi Program Pemerkasaan Pelancongan Agro dan Eko Pahang 1st.

68. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri mahu memastikan pertumbuhan ekonomi Pahang bukan sahaja dipacu oleh pelaburan dan pembangunan infrastruktur, tetapi turut memberi ruang kepada usahawan, petani, nelayan serta penggiat pelancongan untuk berkembang.

69. Matlamat kita jelas, iaitu memastikan setiap kemajuan ekonomi membawa manfaat langsung kepada rakyat melalui peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan dan kesejahteraan hidup.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS KETIGA : MEMANTAPKAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

70. Menerusi Teras Ketiga, pembangunan negeri yang berkesan bukan sekadar bergantung kepada dasar yang baik dan kemampuan kewangan, tetapi turut menuntut sistem pentadbiran yang cekap, telus dan berintegriti.

71. Untuk itu, **49.87 juta ringgit** diperuntukkan untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memastikan setiap dasar dan program Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan berkesan demi kepentingan rakyat.

72. Pada masa yang sama, peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB) akan terus diperkukuh sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dan penghubung utama dengan rakyat dalam menyelaras pembangunan serta memahami keperluan masyarakat di peringkat akar umbi.

73. Sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen, khidmat bakti dan sumbangan pemimpin di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri memperkenalkan Insentif Apresiasi Kepimpinan Setempat Pahang 1st dengan pemberian sebanyak **10 ribu ringgit** secara *one-off* kepada setiap kumpulan kepimpinan setempat.

74. Inisiatif ini melibatkan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) serta Gabungan Persatuan Wanita (GPW) FELDA, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **9.83 juta ringgit.**

75. Selain itu, Kerajaan Negeri menyediakan insentif khas secara *one-off* sebanyak **500 ringgit** kepada setiap Pengerusi JPKK, JPPKOA, JKKKB, Tok Batin, Timbalan Pengerusi JKKR dan Pengerusi GPW FELDA Negeri Pahang. Manakala **200 ringgit** diberikan kepada setiap Setiausaha JKKKB, JKKR, JPKK dan JPPKOA, dengan peruntukan berjumlah **1.25 juta ringgit**.

76. Selain itu, **186 ribu ringgit** diperuntukkan bagi meningkatkan elaun Pengerusi JKKKB secara bulanan daripada 250 ringgit kepada **500 ringgit** sebagai pengiktirafan terhadap tanggungjawab dan komitmen mereka di peringkat akar umbi.

77. Penghargaan turut diberikan kepada pemimpin dan petugas institusi agama. Kerajaan Negeri bersetuju meningkatkan peruntukan sumbangan *one-off* kepada **3.11 juta ringgit**, berbanding 1.87 juta ringgit pada tahun 2026. Sumbangan ini melibatkan Imam, Bilal, Siak, Wali Hakim, Guru dan Penyelaras Takmir, Penggali Kubur dan Pengurus Jenazah, Guru dan Penyelia KAFA, Guru Al-Quran Asrama, serta Pengerusi Masjid dan Surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat.

78. Dalam usaha memperkemas sistem penyampaian dan memperkukuh hubungan Kerajaan Negeri dengan rakyat, beberapa inisiatif turut diteruskan, antaranya:

i. **2 juta ringgit** untuk Program Sentuhan Rakyat Makmur;
ii. **350 ribu ringgit** untuk Anugerah Kampung Tradisi; dan
iii. **300 ribu ringgit** bagi Sesi Libat Urus Sistem e-Rakyat untuk menyelaraskan maklumat bantuan negeri secara berpusat.

79. Di samping itu, Karnival Aspirasi Pahang 1st juga diteruskan dengan peruntukan **5 juta ringgit** sebagai platform interaksi langsung antara Kerajaan Negeri dengan rakyat.

80. Turut disediakan **10 juta ringgit** bagi Kumpulan Amanah Malapetaka Negeri Pahang, **3.4 juta ringgit** untuk keperluan ICT Pentadbiran Negeri Pahang dan **1 juta ringgit** bagi Anugerah Kecemerlangan Pahang 1st sebagai pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang pentadbiran.

81. Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **2 juta ringgit** bagi Projek Kampung Angkat Pahang 1st. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada usaha merapatkan jurang pembangunan luar bandar melalui penambahbaikan infrastruktur asas, penyelarasan bantuan kebajikan serta pemerkasaan aktiviti kemasyarakatan dan ekonomi setempat.

82. Selain itu, **1 juta ringgit** disediakan bagi pengurusan Bandar Pintar Negeri Pahang dengan sasaran memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mencapai penarafan Bandar Pintar.

83. Tahniah diucapkan kepada Majlis Daerah Bera, Jerantut, Raub dan Rompin atas pengiktirafan Bandar Pintar Perintis Tahap 1 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan 2026 pada 14 November lalu.

84. Bagi memperkukuh hala tuju pembangunan fizikal yang mampan, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit** kepada **PLANMalaysia Pahang** untuk menyediakan **Rancangan Kawasan Khas (RKK)** bagi **Bandar Baru Benta** dan **Bandar Baru Sungai Koyan**. Inisiatif ini akan mempercepatkan penyediaan pelan pembangunan komprehensif yang merangkumi kemudahan infrastruktur, perumahan dan pusat komersial, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi setempat serta meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan berkenaan.

85. Kerajaan Negeri juga tidak melupakan sumbangan dan peranan komuniti FELDA serta anak-anak Pahang di perantauan. Untuk itu, peruntukan untuk Sekretariat Muafakat FELDA Pahang ditingkatkan kepada **7 juta ringgit**, berbanding **5 juta ringgit** pada tahun 2026, bagi mempergiat lagi program pembangunan komuniti, kerjasama dan kebajikan warga FELDA.

86. Bagi Sekretariat Perantau Anak Pahang pula, peruntukan ditingkatkan kepada **2.44 juta ringgit**, berbanding **1 juta ringgit** pada tahun 2026. Peningkatan ini bertujuan memperkukuh penyampaian maklumat, memperluas program kebajikan serta memastikan anak-anak Pahang di perantauan terus mengekalkan hubungan dengan negeri kelahiran dan menyumbang kepada kemajuannya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

87. Kekuatan sesebuah kerajaan bukan hanya terletak pada perancangan dan peruntukan yang diumumkan, tetapi pada keupayaannya melaksanakan setiap perancangan dengan penuh tanggungjawab. Justeru, saya menuntut seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri supaya terus bekerja dengan cekap, berdisiplin, berintegriti dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat.

88. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh penjawat awam Negeri Pahang yang selama ini menjadi tulang belakang pentadbiran dan pembangunan negeri. Segala dedikasi, pengorbanan dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan amat saya hargai.

89. Sebagai tanda penghargaan, saya dengan sukacitanya mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak **2 bulan gaji** kepada seluruh penjawat awam Negeri Pahang, melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak **58 juta ringgit** yang akan dibayar dalam dua fasa, iaitu pada bulan Januari dan Jun 2027.

90. Selain itu, bagi membantu persiapan menyambut Aidilfitri, Kerajaan Negeri turut menyediakan Bantuan Khas Perayaan sebanyak **1,500 ringgit** dengan peruntukan sebanyak **12 juta ringgit**.

91. Semoga penghargaan ini menjadi suntikan semangat kepada seluruh penjawat awam untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik, memelihara integriti dan melaksanakan amanah dengan

penuh keikhlasan demi kemakmuran serta kesejahteraan rakyat Pahang Darul Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS KEEMPAT : MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS RAKYAT

92. Menerusi Teras Keempat, infrastruktur dan kemudahan asas yang berkualiti merupakan dasar kepada kesejahteraan rakyat serta pertumbuhan ekonomi negeri.

93. Bagi tujuan ini, **252.1 juta ringgit** diperuntukkan dibawah teras ini untuk memberi kemudahan kepada rakyat.

94. Daripada jumlah tersebut, **75 juta ringgit** diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang untuk pembinaan dan naik taraf jalan raya serta infrastruktur awam, khususnya di kawasan luar bandar dan penempatan yang memerlukan.

95. Aspek keselamatan dan perlindungan rakyat daripada bencana turut diberi perhatian melalui peruntukan **19.5 juta ringgit** bagi projek saliran, tebatan banjir dan pencegahan hakisan pantai.

96. Selain itu, **12.4 juta ringgit** disediakan untuk meneruskan pembangunan Pusat Pemindahan Tetap (PPT) di Kuantan, Lipis, Pekan dan Temerloh bagi menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada mangsa bencana.

97. Dalam memastikan bekalan air terawat terus terjamin, **105 juta ringgit** diperuntukkan bagi pelbagai projek pembangunan bekalan air, termasuk **1.5 juta ringgit** untuk projek di Empangan Chereh bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air mentah.

98. Pada masa yang sama, Program Rebat Air Makmur dijenamakan semula sebagai Program Air Percuma Pahang 1st dengan peruntukan tahunan sebanyak **7.3 juta ringgit** yang memberi memanfaat kepada 38,000 pengguna berpendapatan rendah yang berdaftar di bawah eKasih, i-Damak, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Rumah Rakyat Pahang (RRP).

99. Kerajaan Negeri turut memperkukuh kemudahan kesihatan melalui peruntukan **1 juta ringgit** di bawah Inisiatif Bantuan Negeri Pahang bagi pembelian peralatan pemeriksaan dan pembedahan mata (oftalmologi) untuk Jabatan Kesihatan Negeri Pahang.

100. Selain itu, **1.5 juta ringgit** disediakan bagi menaik taraf bangunan kuarters Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sebagai Pusat Kesejahteraan (*Wellness Hub*) di Jelai, Benta, Muadzam Shah dan Raub. Inisiatif ini beralih daripada pendekatan rawatan penyakit kepada penjagaan kesihatan dan pencegahan.

101. Peruntukan **500 ribu ringgit** disalurkan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Taman Guru, Kuantan bagi memperkasa fasiliti dan program latihan golongan istimewa. Langkah ini memberi impak langsung kepada komuniti setempat dengan menyediakan ruang pembelajaran yang lebih selesa serta menyokong keluarga dalam membina masa depan yang lebih berdikari untuk anak-anak OKU.

102. Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan **5 juta ringgit** bagi memperluaskan pemasangan lampu solar di jalan kampung. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan dan pencahayaan, malah turut menyokong penggunaan tenaga yang lebih lestari, mengurangkan kebergantungan elektrik dan meminimumkan pelepasan karbon.

103. Bagi memastikan perkhidmatan dan inisiatif kerajaan dapat dinikmati secara lebih menyeluruh, **3.22 juta ringgit** diperuntukkan untuk pelaksanaan Jelajah Aspirasi Pahang 1st. Program ini menjadi platform mendekatkan kerajaan dengan rakyat melalui penyampaian pelbagai program, bantuan dan kemudahan secara langsung di kawasan setempat di semua daerah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

104. Pembangunan sukan juga akan terus diperkasakan. Kejayaan kontinjen Pahang dalam SUKMA Selangor 2026, khususnya pasukan menembak yang meraih 14 pingat emas, 7 perak dan 5 gangsa, serta pengiktirafan Cheah Zen Hong sebagai Olahragawan SUKMA, membuktikan potensi besar atlet negeri. Pencapaian ini menjadi dorongan Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan latihan dan peralatan sukan yang lebih berkualiti.

105. Sehubungan itu, **885 ribu ringgit** diperuntukkan bagi menaik taraf peralatan dan kemudahan sukan menembak di bawah Majlis Sukan Pahang.

106. **600 ribu ringgit** juga disediakan bagi menaik taraf kemudahan sukan di seluruh negeri, manakala **18.7 juta ringgit** diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus Majlis Sukan Pahang, termasuk memastikan kelancaran program latihan dan persediaan atlet.

107. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri komited memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas terus diperkasa demi meningkatkan kualiti hidup, menjamin keselamatan serta kesejahteraan rakyat. Matlamat kita jelas, memastikan setiap pembangunan memberi manfaat yang menyeluruh dan tidak ada rakyat atau kawasan di Pahang yang terpinggir.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS KELIMA : MEMELIHARA ALAM SEKITAR DAN MENGURUS SUMBER NEGERI SECARA LESTARI

108. Menerusi Teras Kelima, Kerajaan Negeri komited memastikan khazanah alam semula jadi Pahang terus dipelihara melalui pengurusan sumber asli secara lestari serta penguatkuasaan lebih tegas terhadap pencerobohan tanah dan Hutan Simpan Kekal. Peruntukan bagi teras ini adalah sebanyak **97.3 juta ringgit**.

109. Bagi tujuan ini, **88.4 juta ringgit** diperuntukkan untuk pengurusan dan pemeliharaan hutan, termasuk *Ecological Fiscal Transfer* (EFT), penanaman semula pokok, inventori, restorasi serta pelbagai program Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

110. Dalam aspek pemuliharaan biodiversiti, sebanyak **2 juta ringgit** diperuntukkan oleh Yayasan Pahang bagi pembangunan *Wildlife Conservation Park* di Kuala Sat, Ulu Tembeling dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Majlis Biodiversiti Negeri Pahang.

111. Projek *Living Lab* dan *Wildlife Conservation* pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan UPM dan PERHILITAN ini akan memberi tumpuan kepada penyelidikan saintifik, pemantauan gajah Asia serta pemeliharaan koridor hidupan liar yang menghubungkan Taman Negara Kuala Tahan dengan Hutan Simpan Tekai.

112. Bagi mengurangkan kesan aktiviti industri terhadap alam sekitar, **1.5 juta ringgit** disediakan untuk pengurusan sisa dan pemulihan kawasan bekas lombong secara bertanggungjawab, termasuk meneroka potensi ekonomi baharu daripada sisa tersebut.

113. Sementara itu, **450 ribu ringgit** diperuntukkan bagi menghapuskan spesies ikan asing, khususnya ikan baung ekor merah, manakala **1 juta ringgit** disediakan untuk pelepasan ikan tempatan bagi memulihkan populasi spesies asli di perairan negeri.

114. Bagi memperkukuh sektor perikanan mampan, **3.95 juta ringgit** diperuntukkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Pahang, meliputi pembangunan kualiti perikanan darat sebanyak **2.2 juta ringgit**, pengembangan akuakultur **1.2 juta ringgit**, pengurusan sumber perikanan marin **300 ribu ringgit** serta konservasi baka ikan asli bernilai tinggi di Sungai Pahang sebanyak **250 ribu ringgit**.

115. Kerajaan Negeri melalui Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), telah mengambil tindakan tegas serta langkah pemutihan bagi mengekang pencerobohan tanah yang melibatkan kerugian keseluruhan melebihi **1.3 bilion ringgit**. Ini merangkumi pencerobohan tanah kerajaan seluas 40.8 ribu ekar (anggaran ketirisan hasil **391 juta ringgit**) yang diselesaikan melalui pemberimilikan kepada anak syarikat negeri dan Skim Tanah Rakyat, serta penerokaan haram Hutan Simpan Kekal seluas 38.6 ribu ekar bagi tanaman durian Musang King dan kelapa sawit yang mengakibatkan kerugian nilai royalti balak sebanyak **866.5 juta ringgit**.

116. UPNP juga telah berjaya membuat 158 kes tangkapan perlombongan haram yang melonjakkan kutipan hasil mineral negeri sebanyak 124.9 peratus daripada **33.08 juta ringgit** pada tahun 2021 kepada **74.4 juta ringgit** pada tahun ini. Bagi memperkukuh lagi keupayaan tindakan di lapangan ke arah matlamat mensifarkan pencerobohan tanah di Pahang, Kerajaan Negeri komited memperkasakan UPNP menerusi penambahan 50 orang pegawai baharu menjadikan jumlah kekuatan keseluruhan seramai 220 orang.

117. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri mahu memastikan kemajuan ekonomi dan pembangunan Pahang bergerak seiring dengan pemeliharaan alam sekitar. Khazanah alam dan biodiversiti negeri ini bukan sekadar warisan untuk kita nikmati hari ini, tetapi amanah yang mesti dipelihara demi generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TERAS KEENAM : MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN RAKYAT

118. Menerusi Teras Keenam, Kerajaan Negeri percaya bahawa kemajuan ekonomi mesti bergerak seiring dengan pembangunan sosial yang inklusif. Matlamat kita bukan sekadar meningkatkan taraf hidup, tetapi membina masyarakat yang berilmu, sihat, berakhlak, bersatu padu dan berpeluang mengembangkan potensi diri.

119. Justeru, pelbagai inisiatif dirangka bagi memperkukuh institusi kemasyarakatan, perlindungan sosial dan kualiti hidup seluruh rakyat Pahang tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Memperkukuh Syiar Islam dan Institusi Keagamaan

120. Sebagai sebuah negeri yang meletakkan Islam sebagai agama negeri, usaha memperkukuh syiar Islam dan institusi keagamaan terus menjadi keutamaan.

121. Untuk itu, **260.55 juta ringgit** diperuntukkan bagi pengurusan, pembangunan dan program syiar Islam Pentadbiran Kerajaan Negeri. Peruntukan ini meningkat **31.84 juta ringgit** atau 13.5 peratus berbanding tahun 2026.

122. Selain itu, **18 juta ringgit** disediakan melalui Yayasan Pahang bagi memperkasa institusi tahfiz menerusi program pembangunan, bantuan dan geran padanan.

123. Bagi memperkukuh kebajikan institusi agama dan golongan berkaitan, **22.45 juta ringgit** diperuntukkan, antaranya:

i. **10 ribu ringgit** diberikan kepada setiap masjid dan **4 ribu ringgit** kepada setiap surau yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat dengan peruntukan **7.95 juta ringgit**;

ii. **2.85 juta ringgit** diperuntukkan untuk Program Barakah Haji Pahang dengan setiap jemaah haji menerima sumbangan *one-off* **900 ringgit,** berupa duit poket **800 ringgit** dan pek makanan retort bernilai **100 ringgit;**

iii. **2 juta ringgit** diperuntukkan kepada MUIP-IIDM bagi program Fiqh Al-Watan, Dai Komuniti dan Fiqh Wanita;

iv. Sumbangan *one-off* sebanyak **150 ringgit** kepada setiap pelajar tahfiz dan pondok berdaftar. Peruntukan ini meningkat kepada **1.35 juta ringgit** berbanding 800 ribu ringgit tahun 2026;

v. Sumbangan *one-off* **2 ribu ringgit** kepada setiap maahad tahfiz dan pondok berdaftar dengan peruntukan **600 ribu ringgit**;

vi. **1 juta ringgit** bagi pembangunan koperasi masjid. Peruntukan ini meningkat berbanding **600 ribu ringgit** pada tahun 2026;

vii. Sumbangan *one-off* bagi perkahwinan kali pertama dinaikkan daripada 300 ringgit kepada **400 ringgit** dengan peruntukan **2.55 juta ringgit**;

viii. Sumbangan *one-off* dinaikkan daripada 200 ringgit kepada **300 ringgit** untuk golongan mualaf dengan peruntukan **1.2 juta ringgit**; dan

ix. Sumbangan kebajikan kematian **300 ringgit** kepada waris yang layak tanpa mengira kaum dan agama dengan peruntukan **3 juta ringgit**.

124. Di samping itu, bagi menyemarakkan penghayatan Islam, sebanyak **9.2 juta ringgit** disediakan untuk pelbagai program termasuk Balai Ngaji Dewasa Pahang 1st, Tadabbur Al-Quran Pahang 1st, Tadarus Perdana Pahang 1st, Rehlah Lil Syabab, Korban Perdana Pahang 1st dan Pahang Berselawat Pahang 1st.

125. Kerajaan Negeri juga dalam perancangan membangunkan Kompleks Darul Quran bersama JAKIM di Lipis bagi pembangunan ummah dan memakmurkan Pahang.

126. Kerajaan Negeri juga meneruskan Program Juadah Makmur melalui agihan selepas solat Jumaat dengan peruntukan **9.5 juta ringgit.**

127. Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sejumlah **7.65 juta ringgit** khusus untuk menjayakan **Jualan Makmur Kluster Perayaan** di seluruh negeri. Melalui program subsidi bersasar ini, harga barangan keperluan harian dikawal dan ditawarkan pada kadar berpatutan menjelang musim perayaan bagi membantu mengurangkan tekanan perbelanjaan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Membangunkan Potensi Belia dan Memperkasakan Sukan

128. Belia merupakan aset penting dan tenaga penggerak masa depan Pahang. Justeru, Kerajaan Negeri mahu memastikan golongan muda diberikan ruang, peluang dan sokongan untuk mengembangkan bakat, membina kepimpinan serta melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

129. Bagi tujuan tersebut, **3.88 juta ringgit** diperuntukkan melalui Inisiatif Bantuan Negeri Pahang bagi program pembangunan belia dan sukan, antaranya:

i. **475 ribu ringgit** bagi Program *Youth Entrepreneurship Series* (YES) 4.0;
ii. **610 ribu ringgit** bagi Festival Belia Pahang dan Semarak Hari Belia Negara;
iii. **250 ribu ringgit** bagi Anugerah Perdana Belia;
iv. **550 ribu ringgit** bagi Program Atlet Makmur yang melibatkan kira-kira 1,000 atlet;
v. **1.5 juta ringgit** bagi Majlis Belia Negeri Pahang; dan
vi. **500 ribu ringgit** bagi Majlis Rekreasi Negeri Pahang.

130. Selain itu, **18 juta ringgit** diperuntukkan bagi pembangunan dan program sukan di seluruh negeri, meliputi:

i. **7.5 juta ringgit** bagi Program Larian Rakyat Pahang 1st melalui penganjuran *Fun Run* dan *Walk A Town With Me* di setiap daerah;
ii. **6 juta ringgit** bagi pembangunan bola sepak dan Liga Bola Sepak Perantau Pahang 1st;
iii. **1 juta ringgit** bagi pembangunan *Soccer Kids*;
iv. **1.5 juta ringgit** bagi Futsal Pahang 1st;
v. **1 juta ringgit** bagi E-Sukan Pahang 1st; dan
vi. **1 juta ringgit** bagi pembangunan Silat Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menyantuni Masyarakat Orang Asli

131. Masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada kepelbagaian dan warisan penting negeri Pahang. Oleh itu, usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka akan terus diberi perhatian, khususnya dalam aspek perumahan, pendidikan, kemudahan asas, ekonomi dan pembangunan sosial.

132. Bagi tujuan tersebut, **18.9 juta ringgit** diperuntukkan melalui Inisiatif Bantuan Negeri Pahang, antaranya:

i. **10.29 juta ringgit** bagi pembinaan Rumah Rakyat Pahang Kuota Orang Asli Fasa 8;

ii. **3 juta ringgit** bagi Program Sukan Rakyat Orang Asli Pahang 1st;

iii. **3 juta ringgit** bagi Program Pemerkasaan Orang Asli Pahang 1st;

iv. **1.5 juta ringgit** bagi program baik pulih rumah;

v. **500 ribu ringgit** bagi penyediaan bekalan air;

vi. **300 ribu ringgit** bagi Program *Education* Demi Orang Asli (E-DOA); dan

vii. **400 ribu ringgit** bagi Sambutan Hari Orang Asli Sedunia.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Memartabatkan Wanita dan Memperkukuh Perlindungan Sosial

133. Wanita merupakan tonggak keluarga dan rakan penting dalam pembangunan negeri. Kerajaan Negeri komited memastikan golongan wanita terus diberikan peluang yang saksama untuk membina potensi, mencapai kejayaan serta memainkan peranan dalam kepimpinan, ekonomi dan masyarakat.

134. Justeru, **22.25 juta ringgit** diperuntukkan bagi program-program yang dikhususkan kepada golongan wanita.

135. Bagi memperkukuh perlindungan sosial wanita, **750 ribu ringgit** diperuntukkan bagi memperkenalkan Inisiatif Lindung Kasih Makmur dengan kerjasama PERKESO Negeri Pahang. Menerusi inisiatif ini, setiap wanita berdaftar akan menerima insentif *one-off* sebanyak **120 ringgit** bagi menanggung komitmen caruman tahunan di bawah

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (LINDUNG KASIH) PERKESO.

136. Selain itu, **1.5 juta ringgit** disediakan melalui Tabung Wanita Pahang 1st dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Pahang bagi membantu wanita yang menghadapi masalah perundangan, khususnya tuntutan nafkah, kes syariah dan keganasan rumah tangga.

137. Bagi memperluas pembangunan dan kesejahteraan wanita, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan **20 juta ringgit** bagi pelbagai program, antaranya:

i. **11 juta ringgit** bagi saringan kesihatan untuk belia wanita, wanita bekerja, suri rumah, ibu tunggal dan balu;
ii. **1 juta ringgit** bagi Program Anggun Maju untuk usahawan wanita;
iii. **1 juta ringgit** bagi Program Anggun Suri untuk perkahwinan beramai-ramai;
iv. **1 juta ringgit** bagi Program Anggun Fit Pahang 1st untuk program kecergasan;
v. **1 juta ringgit** bagi program penilaian dan tindakan mengenai Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang Lima Tahun;
vi. **5 juta ringgit** diperuntukkan bagi meneruskan pelaksanaan **Program Permata Makmur** sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kesejahteraan institusi keluarga di Pahang. Setiap kelahiran baharu akan menerima insentif berjumlah **300 ringgit**, iaitu **100 ringgit** bantuan tunai serta **200 ringgit** dalam bentuk akaun simpanan Skim Simpanan

Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai pelaburan jangka panjang pendidikan generasi pewaris negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Memperluas Akses Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat

138. Kesihatan merupakan asas kesejahteraan dan produktiviti rakyat. Justeru, **40.98 juta ringgit** disediakan bagi meneruskan serta memperluas pelbagai inisiatif kesihatan yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

139. Daripada jumlah tersebut, **18 juta ringgit** disediakan bagi meneruskan Program Kad Kesihatan Kasih Makmur untuk warga emas, OKU, pesara ATM, pesara polis, pemimpin masyarakat dan melalui program rasmi seperti Sentuhan Rakyat Makmur Pahang. Peruntukan ini meningkat **2 juta ringgit** atau 12.5 peratus berbanding pada tahun 2026.

140. Selain itu, **10 juta ringgit** disediakan bagi Tabung Pesakit Kronik Pahang 1st untuk membantu kos rawatan dan pengurusan penjagaan pesakit.

141. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan:

i. **3 juta ringgit** bagi pemberian baucar khas 100 ringgit setiap penerima kepada Kumpulan Sokongan Perubatan Pahang 1st sebagai tanda penghargaan jasa mereka;

ii. **1.5 juta ringgit** bagi subsidi pembedahan katarak mata untuk mendapatkan kanta premium berkualiti, termasuk kuota khas lima peratus bagi kes tertentu seperti pesakit OKU dan kanak-kanak; dan

iii. **400 ribu ringgit** kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pahang bagi pelbagai program termasuk advokasi kesihatan mental dan kesejahteraan emosi.

142. Selain itu, kebajikan golongan OKU dan individu berkeperluan khas turut diberikan perhatian melalui peruntukan **7.03 juta ringgit** bagi pelbagai inisiatif, termasuk:

i. Insentif **350 ringgit** kepada setiap peserta Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dengan peruntukan **525 ribu ringgit**;

ii. Insentif **500 ringgit** kepada setiap penyelia dan petugas PPDK dengan peruntukan **155 ribu ringgit**;

iii. **1 juta ringgit** bagi Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) Negeri Pahang; dan

iv. Bantuan *one-off* **10 ribu ringgit** kepada setiap pusat jagaan, kebajikan, PPDK dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) berdaftar di bawah Pertubuhan Sukarela Kebajikan dengan peruntukan **450 ribu ringgit**.

143. Sokongan turut diperluaskan melalui peruntukan **2 juta ringgit** bagi Program Anak-Anak Masalah Pembelajaran, dengan memberi tumpuan kepada pendidikan awal kanak-kanak berkeperluan khas.

144. Sebanyak **2 juta ringgit** lagi disediakan bagi Program Cermin Mata Pahang 1st untuk Pelajar Sekolah Rendah.

145. Selain itu, sumbangan **300 ringgit** diberikan kepada setiap anak yatim di pusat jagaan berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak **1.95 juta ringgit**.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Peluang Memiliki Kediaman Selesa

146. Bagi membantu golongan yang memerlukan kediaman selesa, Kerajaan Negeri memperuntukkan **11.45 juta ringgit** bagi pembinaan Rumah Rakyat Pahang (RRP) dan Program Subsidi Deposit Sewa Rumah Pahang 1st.

147. Daripada jumlah ini, **8.75 juta ringgit** disediakan bagi pembinaan 350 buah RRP Fasa 7, manakala **700 ribu ringgit** lagi bagi pembelian barangan keperluan asas untuk melengkapi kediaman tersebut.

148. Selain itu, **2 juta ringgit** diperuntukkan bagi Program Subsidi Deposit Sewa Rumah Pahang 1st untuk membantu ketua isi rumah anak Pahang yang memerlukan kediaman sewa. Permohonan turut dibuka kepada anak Pahang di perantauan yang ingin menyewa kediaman, tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Menghargai Media, Seni, Kebudayaan dan Warisan

149. Selain daripada itu, media, seni, kebudayaan dan warisan merupakan sebahagian daripada identiti serta jati diri negeri. Sehubungan itu, **4.6 juta ringgit** diperuntukkan bagi menghargai sektor ini.

150. Daripada jumlah tersebut, **300 ribu ringgit** disediakan sebagai sumbangan kepada pengamal media di negeri Pahang, manakala **300 ribu ringgit** lagi bagi Program Karya Anak Pahang dan Dana Media Kreatif.

151. Bagi mengembangkan seni dan warisan tempatan, **2 juta ringgit** diperuntukkan bagi Fiesta Tun Teja Aspirasi Anak Muda Pahang 1st dan masing-masing **1 juta ringgit** disediakan bagi Festival Bot Pahang 1st dan Program *Future Leader* Aspirasi Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Memelihara Perpaduan dan Keharmonian Masyarakat

152. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya merupakan kekuatan yang perlu terus dipelihara. Kerajaan Negeri percaya perpaduan tidak cukup sekadar diungkapkan, sebaliknya perlu diterjemahkan melalui keadilan, peluang dan interaksi masyarakat.

153. Bagi tujuan tersebut, **34.5 juta ringgit** diperuntukkan untuk program kemasyarakatan, sambutan perayaan dan integrasi sosial di seluruh negeri.

154. Daripada jumlah itu, **23 juta ringgit** disediakan bagi inisiatif sambutan perayaan dan bantuan kemasyarakatan, merangkumi:

i. **6 juta ringgit** bagi Baucar Balik Raya Pahang 1st;
ii. **6 juta ringgit** bagi Baucar Hari Raya Pahang 1st;
iii. **3 juta ringgit** bagi Jamuan Mega Raya dan Jamuan Mega Raya Perantau Pahang 1st;
iv. **2 juta ringgit** masing-masing bagi Baucar Tahun Baharu Cina Pahang 1st dan Baucar Deepavali Pahang 1st;
v. **2 juta ringgit** bagi Program Berbuka Puasa Perdana Pahang 1st; dan
vi. **1 juta ringgit** masing-masing bagi Program Semarak Aspirasi Pahang 1st dan Program Berbuka atau Moreh Perantau Pahang 1st.

155. Seterusnya, **11.5 juta ringgit** diperuntukkan bagi memperkukuh interaksi sosial di peringkat akar umbi, meliputi:

i. **3 juta ringgit** masing-masing bagi Program Sukan Rakyat Bersama JPKK Pahang 1st, Bazar Rakyat Pahang 1st dan Program Muhibah Pahang 1st;
ii. **2 juta ringgit** bagi Program Santai Rakyat Bersama KRT Pahang 1st; dan
iii. **500 ribu ringgit** bagi Program Perpaduan Pahang 1st dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Menghargai Sumbangan dan Memperkukuh Peranan Masyarakat

156. Pembangunan Pahang bukan digerakkan oleh Kerajaan Negeri semata-mata, sebaliknya turut didukung oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuk petugas sokongan, anggota keselamatan, pekerja pembersihan, pertubuhan sukarela dan gerakan koperasi.

157. Bagi menghargai sumbangan mereka, **15.18 juta ringgit** diperuntukkan bagi program pengiktirafan, kebajikan dan pemerkasaan sosial, antaranya:

i. **10.38 juta ringgit** bagi Program Bakti Negeri Pahang 1st;
ii. **3 juta ringgit** bagi Program Subsidi Pembelian Motosikal Tanpa Faedah Pahang 1st;
iii. **1.1 juta ringgit** bagi Program Sumbangan Topi Keledar Pahang 1st; dan
iv. **700 ribu ringgit** kepada Majlis Tindakan Sosial Negeri Pahang.

158. Di samping itu, sebanyak **5.25 juta ringgit** disediakan bagi menghargai petugas dan rakan strategik :

i. **2 juta ringgit** bagi Baucar Kumpulan Sokongan Pahang 1st;
ii. **2 juta ringgit** bagi Baucar Anggota Keselamatan Pahang 1st;
iii. **800 ribu ringgit** bagi Program Apresiasi Pekerja Pembersihan Pahang 1st;
iv. **200 ribu ringgit** bagi Hari Koperasi Negeri Pahang dan Majlis Apresiasi Koperasi Pahang 1st;

v. **100 ribu ringgit** kepada *Drugs Intervention Community* (DIC); dan

vi. Masing-masing **75 ribu ringgit** kepada PENGASIH dan PEMADAM.

159. Kerajaan Negeri turut mengambil kira sumbangan pekerja ekonomi gig yang menjadi sebahagian daripada penggerak ekonomi masa kini.

160. Justeru, **1.1 juta ringgit** diperuntukkan bagi memperkenalkan Inisiatif Bantuan Negeri Pahang Gig, iaitu sumbangan *one-off* sebanyak **300 ringgit** kepada pekerja gig yang berdaftar dan mempunyai caruman aktif di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO.

161. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri mahu memastikan kemakmuran Pahang dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

162. Matlamat kita jelas, tiada rakyat yang terpinggir dan tiada golongan yang tertinggal dalam arus pembangunan negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

PENUTUP : MELANGKAH BERSAMA, MEMBINA MASA DEPAN

163. Apa yang telah saya bentangkan sebentar tadi bukan sekadar perancangan di atas kertas atau angka dalam sebuah belanjawan.

164. Di sebaliknya, tersimpan harapan rakyat, keperluan masyarakat dan amanah yang perlu kita laksanakan. Setiap peruntukan membawa tanggungjawab, setiap inisiatif membawa harapan dan setiap usaha mesti akhirnya kembali kepada manfaat rakyat.

165. Kita mahu Pahang terus melangkah maju, ekonominya semakin kukuh, peluangnya semakin luas, pendidikannya semakin cemerlang dan kehidupan rakyatnya semakin sejahtera.

166. Kita mahu setiap anak Pahang membesar dengan keyakinan bahawa negeri ini menyediakan ruang untuk mereka belajar, bekerja, berniaga dan menggapai impian.

167. Jangan sampai ada anak Pahang yang terpaksa menguburkan cita-citanya kerana kekurangan peluang.

168. Jangan sampai ada kawasan yang tertinggal hanya kerana jauh dari pusat pembangunan.

169. Dari bandar ke desa, dari pesisir pantai hingga ke pedalaman, kemakmuran mesti dirasai bersama. Kerana kemajuan yang sebenar bukan sekadar pada apa yang kita bina, tetapi pada kehidupan yang berjaya kita ubah.

170. Dalam perjalanan ini, pasti ada cabaran dan perbezaan pandangan. Namun, janganlah perbezaan memisahkan kita daripada matlamat yang lebih besar.

171. Kita boleh berbeza dalam pendekatan, tetapi jangan sekali-kali berbeza dalam meletakkan kepentingan negeri dan rakyat sebagai keutamaan.

172. Saya percaya, kejayaan sesebuah negeri tidak dibina oleh seorang individu atau sebuah kerajaan semata-mata.

173. Ia lahir daripada usaha bersama, pengorbanan semua pihak dan kesediaan setiap generasi menyambung perjuangan generasi sebelumnya.

174. Mungkin ada benih yang kita tanam hari ini, tetapi pohonnya hanya akan tumbuh rendang pada masa hadapan.

175. Mungkin ada usaha yang kita mulakan hari ini, tetapi hasilnya hanya akan dinikmati oleh anak cucu kita kelak.

176. Inilah makna sebuah perjuangan. Kita tidak semestinya menikmati segala hasilnya, tetapi kita bertanggungjawab memastikan usaha itu tidak terhenti.

177. Saya mahu suatu hari nanti, apabila generasi akan datang menoleh kembali kepada sejarah negeri ini, mereka akan berkata, pernah ada satu generasi yang bekerja keras, berkorban dan meletakkan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya.

178. Generasi yang bukan sekadar mewariskan sebuah negeri yang lebih maju, tetapi sebuah negeri yang lebih banyak menawarkan peluang, menyuburkan harapan dan menjamin masa depan.

179. Inilah makna sebenar Pahang 1st. Meletakkan negeri dan rakyat di tempat pertama, melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab dan memastikan setiap langkah yang kita ambil membawa manfaat kepada mereka yang kita wakili.

180. Selagi ada tekad, selagi ada kesungguhan dan selagi kita bersatu hati, insya-Allah, Pahang akan terus melangkah menuju kemakmuran dan kesejahteraan.

181. Mudah-mudahan segala usaha kita hari ini menjadi amal yang membawa manfaat, dan segala yang kita bina bersama menjadi warisan yang membanggakan generasi akan datang.

182. Semoga Allah SWT terus mengurniakan kekuatan, petunjuk dan keberkatan kepada kita semua dalam memikul amanah ini.

183. Sebelum saya akhiri pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2027, izinkan saya menghadiahkan sebuah sajak untuk semua:-

Di bumi Pahang tersimpan sejarah,
Warisan bangsa megah dan indah,
Ditempuh perjalanan penuh hikmah,
Tekad membina tidak pernah goyah.

Aspirasi Pahang 1st menjadi pegangan,
Menyatu tekad, menyusun haluan,
Bukan sekadar sebuah gagasan,
Tetapi cita diterjemah dengan tindakan.

Gunung tahan teguh berdiri,
Sungai Jelai membawa erti,
Rakyat sejahtera menjadi sanubari,
Ekonomi berkembang kemakmuran dinikmati.

Ayuh Pahang teruskan melangkah,
Membina masa depan penuh berhemah,
Dengan kesatuan, usaha dan amanah,
Menjadi negeri maju, makmur dan megah.

Sejuta impian kita semaikan,
Dengan semangat terus diperjuangkan,
Pahang tercinta terus dimartabatkan,
Menjadi warisan sepanjang zaman.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang,
Belanjawan Pahang membela negeri,
Rakyat sejahtera pembangunan gemilang.

184. Saya percaya, Belanjawan Negeri Pahang 2027 merupakan sebuah naskhah gagasan untuk membawa negeri ini terus maju, serta memastikan setiap pembangunan yang dirancang dapat dirasai manfaatnya oleh seluruh rakyat Pahang.

185. Oleh itu, saya berharap belanjawan ini mendapat sokongan daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, agar kita terus melangkah dalam membina masa depan Pahang yang lebih makmur, prograsif dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

TINGKAT 3, 5 & 6, BLOK B,
WISMA SRI PAHANG, 25503 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

09-512 6800 **09-513 4839**

pkn@pahang.gov.my